



PUSAT KOKURIKULUM DAN PEMBANGUNAN PELAJAR  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
43400 UPM SERDANG  
No.Tel: 03 – 89467279/8559 No. Faks: 03 – 8946 7280  
Website: [www.pkk.upm.edu.my](http://www.pkk.upm.edu.my)

---

## TAWARAN SEBAGAI FASILITATOR KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT SESI 2014/2015

### 1. TAWARAN UNTUK PERMOHONAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) kini membuka permohonan kepada semua warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk menjadi Fasilitator **Kursus Kokurikulum Berkredit** bagi Sesi 2014/2015.

### 2. PENGENALAN

Penubuhan Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, UPM adalah menyokong kepada Matlamat Pertama UPM iaitu melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan. Pelan strategi yang telah dirangka bagi mencapai matlamat tersebut dapat dilihat menerusi pelan strategi yang kesembilan iaitu memantapkan aktiviti kokurikulum untuk mengeluarkan graduan yang berketerampilan.

Matlamat aktiviti kokurikulum ialah untuk memenuhi hasrat universiti mewujudkan pendidikan yang seimbang dan menyeluruh supaya pelajar menjadi siswazah yang lebih matang dengan:

- a. Melatih aspek kepimpinan dengan menitikberatkan disiplin, organisasi dan kerjasama kumpulan di kalangan pelajar.
- b. Menyediakan ruang kepada pelajar mengasah dan mengembangkan bakat dan kemahiran untuk faedah sendiri dan masyarakat.
- c. Memupuk semangat kerjasama dan perpaduan .

Menerajui pengendalian Kursus Kokurikulum Berkredit, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar kini telah menawarkan 56 kursus kepada pelajar Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan bergraduan pelajar disamping membekalkan Kemahiran Insaniah kepada mereka untuk persediaan ke alam pekerjaan kelak. Kursus Kokurikulum Berkredit yang ditawarkan kini meliputi Lapan (8) Teras utama iaitu:

- a) Teras Sukan
- b) Teras Kebudayaan
- c) Teras Khidmat Komuniti
- d) Teras Kesukarelawan
- e) Teras Daya Usaha dan Inovasi
- f) Teras Kepimpinan
- g) Teras Pengucapan Awam
- h) Teras Keusahawanan.

### 3. KAEDAH PENGENDALIAN KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT

Kaedah pengendalian Kursus Kokurikulum Berkredit adalah sedikit berbeza dengan IPTA dan IPTS lain dimana ia menitik beratkan elemen Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) melalui Kursus Kokurikulum Berkredit. Terdapat 7 elemen Kemahiran Insaniah yang akan diterapkan iaitu:

- a) Kemahiran Komunikasi
- b) Pemikiran Kritis
- c) Kemahiran Kerja Berpasukan
- d) Pembelajaran Sepanjang Hayat
- e) Kemahiran Keusahawanan
- f) Etika dan Nilai Profesional
- g) Kemahiran Kepimpinan

Justeru, bagi memastikan ketujuh-tujuh elemen kemahiran insaniah tersebut diperolehi oleh setiap pelajar UPM, maka setiap calon fasilitator akan melalui 2 peringkat proses penyaringan terlebih dahulu sebelum layak bergelar fasilitator.

**A) Peringkat pertama** penyaringan akan dibuat berdasarkan borang permohonan dimana ia akan disemak dan diteliti sama ada memenuhi keperluan / syarat minima (**lihat muka surat 5**) yang telah ditetapkan semasa tawaran dikeluarkan. (borang yang tidak lengkap tidak akan diproses)

**B) Peringkat kedua** penyaringan akan dibuat setelah nama-nama calon yang layak disenarai pendekkan dan dipanggil untuk menghadiri bengkel *Training of Trainers* (T.O.T) Tahap 1 dan 2 selama 3 atau 4 hari. Tahap 1 lebih menitik beratkan tentang pemahaman calon kepada 7 Elemen Kemahiran Insaniah. Calon akan didedahkan dengan elemen tersebut dan bagaimana ia boleh diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Kursus Kokurikulum Berkredit. Manakala Tahap 2 pula lebih menitik beratkan konsep **learn by doing** dimana calon-calon akan diberikan tugas sama ada melibatkan aktiviti fizikal atau mental. Setiap tugas perlu menjadikan elemen kemahiran insaniah sebagai teras dan kaedah penyelesaian.

T.O.T Tahap 1 dan 2 adalah **WAJIB** dihadiri oleh calon-calon yang belum pernah menghadirinya. Bagi calon-calon yang pernah menghadiri bengkel T.O.T Tahap

1 dan 2, mereka dikecualikan dari menghadirinya **kecuali jika diminta oleh PKPP**. (Sila sertakan salinan sijil menghadiri bengkel T.O.T Tahap 1 dan 2 sebagai bukti).

Calon-calon yang layak dilantik menjadi fasilitator akan dipanggil untuk menghadiri Taklimat Prosedur Kursus Kokurikulum Berkredit. Melalui taklimat ini, fasilitator akan diberikan penerangan mengenai perjalanan kursus kokurikulum berkredit secara keseluruhan.

#### 4. SENARAI KURSUS YANG DIBUKA UNTUK PERMOHONAN

Berikut adalah senarai kursus yang dibuka untuk permohonan:

<b>1. TERAS SUKAN</b>		
<b>BIL.</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA KURSUS</b>
1.	QKS2101	BOLA SEPAK
2.	QKS2102	BADMINTON
3.	QKS2103	BOLA BALING
4.	QKS2104	FUTSAL
5.	QKS2105	GOLF
6.	QKS2106	HOKI
7.	QKS2107	SUKAN MENUNGGANG KUDA
8.	QKS2108	MEMANAH
9.	QKS2109	SEPAK TAKRAW
10.	QKS2110	SOFBOL
11.	QKS2111	TENIS
12.	QKS2112	RENANG ASAS
13.	QKS2113	BOLA JARING
14.	QKS2114	PINGPONG
15.	QKS2115	BOLA KERANJANG
16.	QKS2116	SKUASY
17.	QKS2117	RAGBI
18.	QKS2118	MEMANCING
19.	QKS2119	BOLING
20.	QKS2120	BOLA TAMPAR
21.	QKS2121	ASAS KEMBARA
<b>2. TERAS KEBUDAYAAN</b>		
<b>BIL.</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA KURSUS</b>
22.	QKB2101	SENI TARI MELAYU
23.	QKB2102	MUZIK KOMPANG
24.	QKB2103	TEATER DAN DRAMA PENTAS
25.	QKB2104	VOKAL ASAS
26.	QKB2105	SENI TARI KLASIK INDIA
27.	QKB2106	CAK LEMPONG
28.	QKB2107	BATIK CANTING
29.	QKB2108	PENGURUSAN PENTAS

30.	QKB2109	PERSEMBAHAN LISAN TRADISIONAL
31.	QKB2110	TARIAN BARIS ( <i>LINE DANCE</i> )
32.	QKB2111	TEATER TRADISI BANGSAWAN
33.	QKB2112	GORDANG SEMBILAN
<b>3. TERAS DAYA USAHA DAN INOVASI</b>		
<b>BIL.</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA KURSUS</b>
34.	QKI2101	INOVASI DAN REKACIPTA
<b>4. TERAS PENGUCAPAN AWAM</b>		
<b>BIL.</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA KURSUS</b>
35.	QKT2101	SENI PENGHUJAHAN
<b>5. TERAS KESUKARELAWAN</b>		
<b>BIL.</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA KURSUS</b>
36.	QKU2101	PENAKAP KELANASISWA 1
37.	QKU2102	PENGENALAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
38.	QKU2103	PENGENALAN PANDU PUTERI
39.	QKU2201	PENAKAP KELANASISWA PERTENGAHAN
<b>6. TERAS KHIDMAT KOMUNITI</b>		
<b>BIL.</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA KURSUS</b>
40.	QKK2101	BAKTI SISWA
41.	QKK2102	PENGURUSAN MASJID
<b>7. TERAS KEUSAHAWANAN</b>		
<b>BIL.</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA KURSUS</b>
42.	QKH2101	PENGURUSAN TAMAN
43.	QKH2102	KRAFTANGAN
<b>8. TERAS KEPIMPINAN</b>		
<b>BIL.</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA KURSUS</b>
44.	QKW2101	PENGENALAN SILAT GAYONG MALAYSIA
45.	QKW2102	PENGENALAN SILAT CEKAK MALAYSIA
46.	QKW2103	PENGENALAN SILAT SENDENG
47.	QKW2104	PENGENALAN SILAT LINCAH MALAYSIA
48.	QKW2105	PENGENALAN TAEKWONDO
49.	QKW2106	PENGENALAN SILAMBAM
50.	QKW2107	PENGENALAN AIKIDO
51.	QKW2108	PROTOKOL DAN ETIKET SOSIAL
52.	QKW2109	PENGURUSAN MAJLIS
53.	QKW2201	SILAT GAYONG MALAYSIA PERTENGAHAN
54.	QKW2202	SILAT CEKAK MALAYSIA PERTENGAHAN
55.	QKW2203	SILAT SENDENG PERTENGAHAN
56.	QKW2205	TAEKWONDO PERTENGAHAN

## 5. PELAKSANAAN KURSUS

Bagi calon-calon yang bakal dilantik, surat lantikan akan dikeluarkan untuk tempoh \*setahun atau \*satu semester mengikut budi bicara pengurusan PKPP.

Kursus Kokurikulum Berkredit sesi 2014/2015 akan dilaksanakan seperti berikut:-

Tarikh	:	*Bermula September 2014 – Jun 2013 (2 Semester / 14 minggu satu semester)
Hari	:	<b>Setiap hari Sabtu</b> (hari kokurikulum)
Masa	:	i) 8.30 pagi – 11.30 pagi atau ii) 12.00 tengahari – 3.00 petang atau iii) 3.30 petang – 6.30 petang

*(setiap fasilitator akan mengajar salah satu sesi sahaja mengikut surat lantikan)*

\* Tertakluk kepada pindaan

## 6. BAYARAN KEPADA FASILITATOR

Semua fasilitator yang dilantik akan dibayar berasaskan kadar bayaran mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005:

<b>Katogeri Kumpulan</b>	<b>Kadar Bayaran</b>
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 dan keatas	RM80.00 sejam
Kumpulan Sokongan	RM60.00 sejam

## 7. SYARAT PERMOHONAN

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Berumur tidak kurang dari 21 tahun
- iii. Pelajar IPT yang masih berada dalam pengajian (Ijazah dan kebawah) adalah tidak layak memohon.
- iv. Memiliki Diploma/Ijazah **atau** sijil- sijil yang berkaitan **atau** pengalaman mengikut bidang kursus yang dipohon.  
*(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan kursus dan latihan serta dapat memberi komitmen yang tinggi kepada pelajar)*

## 8. CARA MEMOHON

Pemohon yang berminat diminta mengemukakan permohonan dengan menggunakan borang Permohonan Fasilitator (*OPR/HEPA/BR25/PKPP*) yang boleh diperolehi dari **PEJABAT PUSAT KOKURIKULUM DAN PEMBANGUNAN PELAJAR, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, SERDANG, SELANGOR** atau (bagi staf UPM) boleh memuat turun melalui laman web SPK Online UPM dibawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM.

Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dialamatkan seperti di bawah **sebelum atau pada 19 JUN 2014** kepada:

**Pengarah  
Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP)  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
u.p: Pegawai Tadbir**

## 9. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan maklumat boleh menghubungi:

1. Encik Wan Zaharuddin Wan Abdullah (03-89468525)
2. Encik Abdul Malek Ab. Man (03-89471467)
3. Puan Farah Dayana bt Jamaluddin (03-89471461)
4. Cik Nor Azwa Aminudin (03-89471461)

## 10. PERHATIAN

- (i) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima atau tidak mengikut peraturan yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Calon yang dipilih dalam penyaringan akan dipanggil untuk menghadiri bengkel *Training of Trainers* (T.O.T) melau surat atau email.
- (iii) Permohonan yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN IALAH PADA 19 JUN 2014**